



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 31 JANUARI 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	TAMAN HAIWAN 40 HEKTAR DI JERAM MENGAJI, KELANTAN, HAKAKAH -H12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2. 3.	LENSA HAKAKAH, HAKAKAH -H21 250 USAHAWAN TANI SERTA KURSUS GALAKAN PELABURAN, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	KEMARAU: IADA LEPAS AIR PADA ISNIN, NEGERI KELANTAN, SH -36	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13.	SAMPAI BILA NAK IMPORT MAKANAN?, DALAM NEGERI, UM -3 'BELUM PERNAH PUTUS BEKALAN TELUR', NEGARA, KOSMO -16 AYAM HARGA RM7.50 JADI RM5 SEKILOGRAM, LOKAL, HM -5 PETANI LAMBANG SEKURITI MAKANAN, CETUSAN, SH -17 LAKSANA SKIM KAWALAN HARGA BARANG SEPANJANG TAHUN, DALAM NEGERI, UM -10 PKPS MAIN PERANAN PENTING KEMBANGKAN INDUSTRI TANI DI SELANGOR, NEGERI SELANGOR, SH -31 PKPS FOKUS PERTANIAN MODEN, PKPS, SH -20 & 21 MB MAHU PKPS SUSUN STRATEGI MAMPAN, PKPS, SH -20 & 21 REDTONE TAWAR TEKNOLOGI TANI PINTAR, NIAGA, KOSM -37	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail melakukan pelepasan Riadah Mini Endurance di Jeram Mengaji.

## Taman Haiwan 40 hektar di Jeram Mengaji

Oleh ZULKIFLI HUSSIN

**PASIR PUTEH:** Sebanyak RM1 juta diperuntukan kerajaan negeri bagi mewujudkan Taman Haiwan di Jeram Mengaji membabitkan kawasan seluas 40 hektar.

Daripada keluasan tersebut sebanyak 10 hektar disediakan bagi menempatkan spesies kijang.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, penekanan pembiakan spesies kijang kerana haiwan itu lambang kebesaran kerajaan Kelantan.

“Generasi sekarang ada yang tidak lagi mengenali kijang. Ini menyebabkan usaha itu perlu diketengahkan,” katanya ketika ditemui pada majlis Riadah Mini

Endurance Jeram Mengaji di sini baru-baru ini.

Menurutnya juga taman terbabit akan ditempatkan pelbagai haiwan termasuk rusa, seladang, kerbau dan kambing gunung.

Beliau berkata, projek berkenaan sedang giat dilaksanakan termasuk kerja-kerja membina pagar serta aliran air keluar masuk.

“Usaha itu diharap dapat menarik lebih ramai pelancong ke Jeram Mengaji yang kini semakin dikenali ramai,” tambahnya.

Turut hadir Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II (MAFI) Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh.

Jeram Mengaji kini menjadi lokasi tumpuan ramai pada hujung minggu dan hari kelepasan, ia seumpama Kundasang di Sabah.



**TARIKH**

**MEDIA**

**RUANGAN**

**MUKA  
SURAT**

31/1/2022

HARAKAH

LENSA

H21

HARAKAH



Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, Mohd Akmal bin Kamarudin, mengedarkan plastik mesra alam kepada peniaga-peniaga Program Jualan My Rakyat anjuran FAMA Daerah Larut Matang Selama dan Kerian di Dataran Warisan. Pelbagai inisiatif program keusahawanan dibawah FAMA yang begitu bermanfaat untuk rakyat seperti Program Agrobazar Kedai Rakyat (AKR), Agropreneur Muda, Gerai Buah-buahan segar (GBBS) dan banyak lagi insentif yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat dalam negeri ini khususnya. Turut hadir bersama Yang Dipertua Dewan Negeri, Dato' Mohammad Zahir bin Dato' Abdul Khalid, Pegawai Daerah Larut Matang dan Selama dan Mohamed Akmal bin Dahalan. - FB Adun



31 JAN, 2022

## 250 usahawan tani sertai kursus galakan pelaburan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 1

## 250 usahawan tani sertai kursus galakan pelaburan

**SEREMBAN:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) kelmarin menganjurkan kursus Galakan Pelaburan dan Pemasaran Tanaman Durian kepada 250 usahawan tani baharu dan sedia ada bagi meningkatkan pembekalan tanaman bernilai tinggi di pasaran.

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) FAMA Datuk Mohamad Mustahapa Awang berkata, kursus menerusi Program Galakan Pelaburan dan Pemasaran Tanaman Bernilai Tinggi itu sekali gus mampu memberi pulangan pendapatan yang lebih baik kepada kumpulan sasaran.

"Sepanjang kursus dua hari di Institut Latihan FAMA di Port Dickson, peserta akan didedahkan mengenai potensi dalam pembangunan tanaman durian khususnya bagi klon D197 atau Durian Musang King dan klon premium lain yang mempunyai nilai tinggi di pasaran seperti D200 atau Durian Duri Hitam, D24, D168 atau IOI.

"Peserta juga akan mempelajari kaedah pembangunan tanaman yang betul dalam memastikan pengeluaran hasil berkualiti bagi

memenuhi pasaran eksport atau premium tempatan di samping teknik dan cara penjagaan serta pengurusan tanaman yang betul," katanya dalam kenyataan kelmarin.

Mohamad Mustahapa berkata, nilai eksport durian direkodkan melonjak sebanyak RM74.8 juta atau 107 peratus dalam tempoh lima tahun sejak 2016 yang mencatatkan jumlah RM69.9 juta manakala pada 2020 merekodkan nilai sebanyak RM144.7 juta.

Menurutnya hingga September lepas, durian Malaysia berjaya dieksporth ke 22 negara dengan lima daripadanya mencatatkan eskport tertinggi iaitu Hong Kong, China, Singapura, Amerika Syarikat dan Australia.

Dalam pada itu, beliau berkata berikutan sambutan yang menggalakkan tahun ini, FAMA akan menganjurkan beberapa kursus Galakan Pelaburan dan Pemasaran Komoditi seperti cili, kelapa, rock melon dan nanas yang akan dihebahkan melalui laman sosial rasmi FAMA dari semasa ke semasa.

— Bernama



31/1/2022

SINAR  
HARIANNEGERI  
KELANTAN

36

## Kemarau: IADA lepas air pada Isnin

**PASIR PUTEH** - Seramai 150 pesawah di bendang Gaal, Gong Datuk dan Wakaf Bunut, di sini boleh menarik nafas lega selepas Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin Semerak akan membekalkan air bagi mengairi semula kawasan berkenaan yang kering-kontang sejak sebulan lalu pada Isnin.

Pengarah Projek IADA Kemasin Semerak, Rohani Jusoh berkata, tindakan itu merupakan usaha untuk mengelak para pesawah mengalami kerugian akibat masalah tersebut.

"Saya berharap para pesawah terbabit dapat bersabar kerana pihak kami (IADA Kemasin Semerak) sedang bertungkus lumus untuk mengatasi masalah itu," katanya ketika dihubungi pemberita pada Ahad.

Menurutnya, IADA Kemasin Semerak sebelum ini telah menempatkan dua buah pam kecil ber-



Pesawah menunjukkan keadaan saliran air di bendang mereka yang kering sejak sebulan lalu.

gerak di Bukit Yong sebagai langkah sementara tetapi tidak mampu mengairi ke semua bendang yang terbabit.

Beliau berkata, pam besar di Sungai Yong yang digunakan untuk menyedut air sebelum ini rosak sejak dua minggu lalu sudah siap dibaik-

pulih pada Ahad. *Sinar Harian* pada Sabtu melaporkan seramai 150 pesawah kemungkinan berdepan kerugian RM800,000 apabila kemarau melanda Gaal, Gong Datuk dan Wakaf Bunut, di sini hampir sebulan lalu.



31/1/2022

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

3

# Sampai bila nak import makanan?

**PETALING JAYA:** Kerajaan diminta mengubah dasar import makanan negara selepas Malaysia mengimport RM55.5 bilion produk makanan berbanding eksport sebanyak RM33.8 bilion pada tahun lalu, meningkat 24.9 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Aktivitis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan berkata, keberuntungan negara terhadap makanan membimbangkan, kerana ia akan memberikan kesan negatif kepada makanan buatan Malaysia.

"Jangan import barang yang kita ada. Ini barang yang kita ada pun kita import. Cili, halia, kunyit...serai pun import, kita

beli di kedai. Sama juga dengan ikan kering, belacan.

"Sebab itu, kita kena ubah dasar makanan, kalau diimport lebih RM50 bilion, polisi ini patut diubah, takkan kita sukai sahaja import masuk ke negara kita," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bahawa Kementerian terlibat berkenaan kenaikan harga barang akan dipanggil memberikan penjelasan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kos Sara Hidup bagi mencari kaedah terbaik menangani isu berkenaan hari ini.

Beliau berkata, kerajaan juga buat pertama kali memanggil Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca)

dan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) untuk memberikan pandangan dari kaca mata persatuan pengguna apa boleh dilaksanakan untuk mengurangkan tekanan harga barang.

Dalam pada itu, Setiausaha Kehormat Persatuan Pengguna Kedah Negeri Kedah (Cake), Mohamad Yusrizal Yusoff meminta kerajaan mengurangkan penglibatan orang tengah yang menjadi punca kepada kenaikan harga barang.

"Sistem pasaran ketika ini amat menekan rakyat terutama apabila orang tengah mengambil kesempatan. Jadi, kita minta kerajaan kawal kerana mereka dapat untung lebih, mereka sudah ada formula untuk dapat kadar margin yang mengun-

tungkan. Jangan lihat peruncit sahaja, lihat juga pemborong," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam, Selangor (Cassa), Datuk Seri Dr. Jacob George berkata, masalah kenaikan harga barang tidak akan selesai selagi kerajaan tidak melibatkan pihak yang terkesan.

"Dahulu pun saya pernah terlibat dengan mesyuarat Jawatankuasa Kos Sara Hidup, tetapi isu harga masih belum selesai.

"Adakah selepas mesyuarat, mereka akan libatkan golongan yang terkesan? Kerajaan perlu lebih jelas, adakah mereka benar-benar mahu atasi masalah harga barang atau ini sekadar mesyuarat retorik," katanya.

# 'Belum pernah putus bekalan telur'

Oleh NOR AINNA HAMZAH

**REMBAU** – Penjual serta pembekal telur harga murah di daerah ini yang dikenali sebagai Zol Tolo menyatakan dia tidak pernah berhadapan dengan masalah terputus bekalan telur sejak menjalankan perniagaan lebih 20 tahun lalu.

Zol Tolo atau nama sebenarnya Zulkifi Bidin, 52, berkata, dia mendapatkan bekalan telur gred A, C dan E berkenaan daripada beberapa pemilik ladang bagi memastikan dia masih mampu menawarkan harga murah serta menunaikan niatnya yang berniaga sambil beramal sejak dari awal lagi.

Menurutnya, dia hanya menjual telur biasa pada harga RM7 sepapan, manakala telur omega pula dijual RM8 sepapan.

"Tak banyak pun untung yang saya dapat dalam satu papan, namun saya mempunyai ramai pembeli terdiri daripada pemilik kedai makan serta runcit di sekitar negeri ini, Kuala Lumpur, Selangor, Melaka dan Pahang.

"Saya tidak bimbang menjual



**ZOL TOLO** menunjukkan telur omega yang dijual pada harga serendah RM8 sepapan ketika ditemui di Chengkau, Rembau baru-baru ini.

dengan harga murah dan untung kecil asalkan saya masih mempunyai pekerjaan untuk diusahakan di kampung serta menyara keluarga saya," katanya ketika ditemui di kedainya di Tanah Datar, Chengkau, di sini baru-baru ini.

Zol Tolo berkata, tiga pekerjaannya akan menghantar tempahan setiap hari dan usahanya itu secara tidak langsung membantu

peniaga lain untuk mengurangkan beban kos harga barang yang semakin meningkat.

Malah katanya, dia turut menerima pelanggan yang hanya mahu membeli dalam jumlah kecil walaupun sepapan sahaja.

"Saya mahu kongsi rezeki ini dan berharap agar semua pihak mendapat manfaat daripada telur harga murah ini," katanya.





ORANG ramai beratur membeli ayam yang dijual pada harga RM7.50 seekilogram sebelum dijual pada harga jelong RM5 seekilogram pada program Jualan Keluarga Malaysia di Kuala Klawang, semalam. - Gambar NSTP/ARNOR HAMIZAM ABD MANAP

## Ayam harga RM7.50 jadi RM5 seekilogram

**Jelebu:** Harga murah sebelum jualan jelong ditawarkan peniaga pada program Jualan Keluarga Malaysia di Kuala Klawang di sini, semalam menyebabkan ia menjadi tumpuan ramai pengunjung. Ayam yang awalnya dijual pada harga RM7.50 seekilogram sebelum itu, kemudian dijual dengan harga jelong RM5 seekilogram menyebabkan orang ramai berebut mendapatkannya. Sebanyak 240 kilogram daripada 1 tan ayam dibawa

peniaga dijual pada harga itu dan ia habis dijual dalam tempoh 15 minit. Gerai menjual minyak masak paket turut diserbu apabila 200 paket minyak masak dijual pada harga RM1 sepaket. Petai, sayur-sayuran, roti turut diberi secara percuma kepada orang ramai berdasarkan siapa cepat dia dapat, pada jualan bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Klawang. Penjual roti, Azman Dolah, 41, berkata 1,600 paket

pelbagai jenis yang dibuat sendiri habis dijual dalam tempoh 60 minit. Katanya, potongan harga dari 50 sen hingga RM1 bergantung kepada jenis roti diberikan kepada orang ramai yang datang ke gerainya. Pengunjung, Osman Zakaria, 50, berkata dia berbelanja RM50 sebelum membawa pulang dua ekor ayam, sekilo ikan tilapia, sepapan telur, minyak masak manakala petai, sayur dan sebungkus roti diperoteh secara percuma.

Program itu dianjurkan Ahli Parlimen Jelebu yang juga Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Jalaluddin Alias. 'Jalaluddin berkata, program jualan itu akan diadakan setiap-dua minggu sekali memabitkan empat Dun di Parlimen Jelebu.

Beliau berkata, ia kali kedua dianjurkan selepas kali pertama diadakan di Simpang Durian dan program ketiga akan diadakan bagi Dun Pertang pada 12 Februari ini.



# Petani lambang sekuriti makanan



PERSPEKTIF

DR ASKIAH JAMALUDDIN

**K**epentingan peranan petani dalam menjaga pengeluaran makanan dalam negara tidak dipandang remeh. Salah satu program mega yang bermula pada akhir tahun 2019 ialah program penanaman padi pulut di Langkawi. Pada peringkat awal, hanya seramai 27 peserta bersetuju untuk menyertai program rintis itu dan dengan keluasan tanah 39 hektar. Hasil yang diperoleh boleh menjangkau lebih kurang 3.5 tan untuk satu hektar.

Harga padi pulut lebih mahal berbanding padi biasa iaitu RM1,960 untuk satu tan. Ini yang menarik perhatian petani untuk terlibat sama dalam program ini. Oleh itu, agensi di bawah naungan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) seperti Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Jabatan Pertanian, Mardi dan Bernas mengembleng tenaga untuk menambah baik

program ini dari masa ke masa dengan memberi fokus kepada perataan tanah menggunakan traktor perataan tanah berlasar, saliran dan pengairan, biji benih berkualiti dan paling penting latihan kepada petani. Ini bagi memastikan hasil pengeluaran padi pulut meningkat ke lima tan perhektar. Akhirnya pada tahun 2021, jumlah peserta meningkat kepada lebih 300 peserta dengan keluasan tanah bersaiz 520 hektar.

Penanaman padi pulut secara pertanian moden ini menggunakan kaedah *transplanting* di mana kaedah lama menabur biji benih atau menanam anak pokok padi pulut secara manual tidak lagi digunakan. Kini, traktor kecil digunakan untuk menanam anak pokok padi pulut dan petani perlu memastikan sawah mereka bersih dari rumput liar.

Anak pokok padi pulut ini kelihatan berbaris dan tersusun mengikut aturannya. Petani akan ke sawah pada setiap pagi dan lewat petang untuk membuang rumput liar dan memastikan pokok padi pulut dapat tumbuh dengan baik.

Dron digunakan untuk menabur baja dan menyembur racun. Petani mementingkan kos upah pekerja meracun ialah RM60 sedangkan kaedah menyembur racun menggunakan dron ada-

lah RM20 untuk satu hektar yang mengambil masa tidak sampai 15 minit. Penyedia perkhidmatan menerbangkan dron bukan sembarangan kerana mereka mempunyai sijil kelayakan untuk menerbangkannya mengikut tahap ketinggian, faktor angin dan cuaca ketika menabur baja dan racun supaya setiap anak pokok ini mendapat taburan sama.

Padi pulut akan masak dan dituai pada hari ke-140. Ia perlu dituai segera untuk memastikan kualiti padi pulut. Traktor memuai padi pulut moden ini yang dapat meningkatkan kadar pengambilan hasil ketika menuai. Hasilnya terus dimasukkan ke dalam lori untuk dibawakan ke pusat belian. Hasil pengeluaran padi pulut dibawa ke Kilang Bernas di Kedah untuk diproses dan setelah diproses, produk akhir ini diserahkan semula kepada PPK di Langkawi.

Pembangunan tanah dan fasiliti pertanian disediakan MAFI kepada petani yang mengikuti program ini. Ini bagi meningkatkan pengeluaran hasil padi pulut di Langkawi dan memenuhi permulaan terhadap pulut dalam negara. Program ini juga memberi alternatif kepada petani selain menanam padi di sawah, pulut juga adalah tanaman sesuai

untuk dihasilkan di Pulau Langkawi. Bagi memantapkan usaha dan minat berterusan terhadap penanaman padi pulut, setiap petani terutamanya mereka berumur 40 tahun ke bawah sewajarnya memainkan peranan lebih produktif untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran penanaman serta penanaman padi pulut dari awal hingga ke musim menuai, dengan menghadiri latihan berterusan tentang peningkatan hasil pengeluaran padi pulut ini.

Selain itu, mereka sewajarnya diberi pendidikan dan mengusahakan perusahaannya penanaman pokok padi pulut kaedah transplanting. Ini untuk memenuhi permintaan sangat tinggi, tambahan pula penanaman anak pokok juga perlu dilakukan mengikut masa bagi mengelakkan musim kemarau tiba. Petani yang kreatif dan inovatif di Langkawi ini dapat dihasilkan jika mereka mempunyai kesedaran bahawa penanaman mereka amat besar dalam meningkatkan sekuriti makanan dalam negara.

\* Dr Askiah Jamaluddin  
daripada Jabatan Pengurusan Sumber dan  
Pengajian Pengajaran, Fakulti Ekologi Manusia,  
Universiti Putra Malaysia



# Laksana skim kawalan harga barang sepanjang tahun

Oleh **SURAI DAH ROSLAN** dan  
**COWEN LINCH**  
utusannews@mediamulla.com.my

**KOTA KINABALU:** Kerajaan disaran melaksanakan skim kawalan harga sepanjang tahun yang dilihat mampu mengawal harga barangan daripada dieksploitasi khususnya ketika musim perayaan.

Timbalan Pengerusi Pertubuhan Hal Ehwal dan Pelindung Pengguna Sabah (CAPS), Datuk A. Nagaraju berkata, untuk itu kerajaan perlu bertegas dengan memantau harga di peringkat pengeluar dan juga pengilang.

Katanya, jika harga dikawal dari peringkat pertama, peniaga dan pengguna tidak akan mengalami kerugian selain kerajaan menetapkan harga siling barang keperluan harian.

"Kita tidak berpuas hati cara kerajaan menangani kenaikan harga barangan ketika ini. Kaedah yang digunakan tidak berkesan. Cari pendekatan baharu iaitu menetapkan harga siling bagi barang keperluan dan ia perlu dilaksanakan sepanjang tahun," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Beliau berkata, contohnya, harga telur di Sabah kini men-



**KERAJAAN** digesa melaksanakan skim kawalan harga sepanjang tahun dan bukannya ketika musim perayaan. - **UTUSAN/PUQTRA HAIRRY**

cecah RM11.70 sen bagi gred C dan apabila aduan dilaporkan, ia dikatakan bukan barangan terkawal kerana kenaikan itu

berlaku di luar musim perayaan. Sementara itu Pesiden Peratuan Suara Konsumer Sarawak (Covas), Michael Tiong berkata,

kerajaan dan sektor swasta perlu berbincang bagi mendapatkan mekanisme kawalan harga yang sesuai.



## PKPS main peranan penting kembangkan industri tani di Selangor



AMIRUDIN

**SHAH ALAM** - Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) memainkan peranan penting dalam perkembangan industri pertanian khususnya kepada golongan petani dan peniaga kecil di Selangor.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin

Shari berkata, PKPS telah berkembang daripada sebuah organisasi yang hanya menumpukan penanaman kelapa sawit kepada bidang korporat komersial sepanjang 50 tahun penubuhannya.

Menurutnya, PKPS terus melaksanakan evolusi dan kini meneroka pertanian moden menerusi *precision agriculture* serta *smart farming*.

"Inilah yang saya sering tekankan berkenaan keperluan untuk beradaptasi, terus cekat, bingkas dan tangkas dalam menjalani dunia yang serba *agile* kini," kata Amirudin dalam satu hantaran di Facebooknya pada Sabtu.

Beliau dalam masa sama turut mengucapkan tahniah kepada PKPS atas sambutan Jubli Emas baru-baru ini.

Jelasnya, pandemik Covid-19 yang melanda baru-baru ini menyaksikan kepentingan isu jaminan bekalan makanan atau *food security*.

"PKPS akan terus menerajui usaha menjamin bekalan makanan buat rakyat Selangor khususnya agar negeri ini terus makmur dan sejahtera," katanya.





Oleh MOHD AZLIM ZAINURY | Foto ROSLI TALIB

"Perkasa Pertanian Moden"

# PKPS fokus pertanian moden

## Kini beralih kepada fasa teknologi digital

**S**elama 50 tahun, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) teguh berbakti kepada rakyat Selangor seiring dengan peredaran zaman yang memerlukan adaptasi teknologi dan inovasi untuk kekal relevan.

PKPS menjadi sebahagian daripada sejarah penting kepada industri pertanian Selangor dan memainkan peranan signifikan dalam usaha meningkatkan taraf hidup dan sosioekonomi rakyat khususnya petani dan peniaga kecil.

Malah sejak awal penubuhannya, evaluasi PKPS daripada sebuah organisasi hanya tertumpu kepada penanaman kelapa sawit kini mula berkembang kepada bidang lain termasuk bidang korporat komersial dan pemasaran.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi yang meneruskan usaha itu, mahu memfokuskan ke arah pertanian moden sempena 50 tahun penubuhan agensi berkenaan.

Menurutnya, fokus ke hadapan PKPS kini adalah untuk mengasimilasi teknologi dan pendigitalan dalam sektor pertanian.

"Kita sedang melaksanakan beberapa fasa pendigitalan di semua peringkat khususnya dalam sektor pertanian berdasarkan kepada kerangka *Internet of things (IoT), artificial intelligence dan real time analytics*."

"Ini bermakna kita akan menumpukan kepada kaedah pertanian moden dengan memanfaatkan tanah sedia ada menggunakan teknologi baharu termasuk membantu bangunkan usahawan tani," katanya.

Bellau berkata demikian ketika sidang media pada Majlis Sambutan Jubli Emas



MOHAMAD KHAIRIL



Amirudin (tengah) melancarkan Jubli Emas dan Showcase Produk Ehsan sempena majlis pelancaran Sambutan Jubli Emas PKPS di Wisma PKP

50 Tahun PKPS bertemakan Perkasa Pertanian Moden, Memacu Ekonomi Selangor di Wisma PKPS di Shah Alam, pada Khamis.

Produk pertanian jenama Ehsan turut dilancarkan dan berada di pasaran pada Januari tahun ini dengan menyasarkan sekurangnya-kurangnya RM23 juta nilai jualan selepas setahun produk pertanian segar berkenaan dilancarkan.

Pelancaran produk itu juga sebagai inisiatif PKPS menembusi industri runcit tempatan dengan membantu memasarkan produk pengusaha perusahaan kecil dan sederhana (PKS) termasuk yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

Jenama Ehsan juga salah satu inisiatif PKPS untuk penjenamaan dan merombak PKS berbanding tertumpu kepada pertanian atau industri seperti kelapa sawit kepada industri hiliran.

Pelancaran produk segar jenama Ehsan seperti ayam segar, sayur-sayuran dan buah-buahan disempurnakan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin.

Hadir sama ke majlis berkenaan ialah Exco Tetap Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Ir Izhom Hashim dan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Haris Kasim.

PKPS mengadakan Majlis Pelancaran Sambutan Jubli Emas itu bagi menzahirkan penghargaan kepada warga kerjanya termasuk kepimpinan terdahulu yang mencorak hala tuju perbadanan sehingga ke hari ini.

Dalam pada itu, Mohamad Khairil berkata, meniti usia 50 tahun, kewujudan PKPS telah menjadi sebahagian daripada sejarah penting kepada industri pertanian negeri berkenaan malah terus mengorak langkah ke hadapan.

### NAIK TARAF HIDUP RAKYAT

Menurut Mohamad Khairil, sebagai agensi negeri yang turut diberi tanggungjawab

menerajui inisiatif sekuriti makanan, PKPS terus menyusun strategi mampan untuk memastikan rantaian bekalan makanan di negeri ini berada pada tahap optimum.

"Ia seiring dengan pengalaman dan anjakan yang menjadi fokus kepada sambutan Jubli Emas ini, sesuai dengan tema yang dipilih iaitu "Perkasa Pertanian Moden, Memacu Ekonomi Selangor".

"Saya beritizam untuk terus menjenamakan PKPS sebagai sebuah agensi yang bukan sahaja menjadi penerangkin kepada industri agropertanian di Selangor, malah mendapat keyakinan di peringkat kerajaan negeri sebagai ejen pelaksana inisiatif rakyatnya.

Jelasnya, beberapa program yang telah direncanakan untuk memeriahkan Sambutan Jubli Emas PKPS antaranya, Larian Jubli Emas PKPS 2022 serta Karnival Selangor Fruit Valley selain beberapa program jualan murah program segar seperti sayur-sayuran dan buah-buahan.



## MB mahu PKPS susun strategi mampan



AMIRUDIN

PKPS digesa menyusun strategi yang mampan untuk memastikan rantaian bekalan makanan di negeri Selangor berada pada tahap optimum.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, negara mendapat pengajaran yang sangat besar ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19.

Katanya, sudah tiba masanya bagaimana cara untuk kita mengekalkan bekalan makanan terutama persediaan kita ketika berdepan dengan sebarang krisis.

"Perubahan untuk masa depan tanpa dijangka perlu dilakukan agar situasi sama atau lebih berat boleh ditangani dengan lebih baik menerusi persediaan dan perancangan awal.

"Perlu ada ketangkasan dan adaptasi untuk kita tangani krisis yang mungkin datang dengan skala lebih. Jika situasi lebih berat, krisis atau kualiti negeri maju yang ada pada negeri Selangor akan turut terkesan."

"Perubahan semasa akibat pemadahan global menyebabkan berlaku perubahan suhu tidak terfajika dengan begitu cepat yang turut memberi kesan kepada harga bekalan makanan kerana ia turut mempengaruhi kualiti hasil produk kita," katanya yang hadir pada Majlis Sambutan Jubli Emas ke-60.

Bellau yakin perkara itu menjadi penelitian utama kerajaan negeri di

bawah portfolio Exco Kerajaan Negeri, Hee Loy Sian yang akan fokus tentang langkah harus dilakukan dalam menangani dan beradaptasi dengan perubahan iklim.

Menurutnya, ia termasuk untuk memastikan sektor pertanian terpelihara, risiko bencana alam, kesan perubahan iklim, peralihan monsun dan sebagainya. Sementara itu, beliau berharap agar PKPS terus mencatatkan kegemilangan sebagai peneraju dan pemacu kepada sektor pertanian negeri Selangor.

"PKPS bukan hanya menjadi sektor sekunder atau sektor hiliran sebaliknya penyumbang penting kepada ekonomi kepada kelestarian pembangunan



## Memacu Ekonomi Selangor

PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR

### Alami perubahan ketara



"Saya dapat lihat perubahan besar dari segi mentaliti kakitangan dan pihak pengurusan kerana dahulu kita boleh dilaburkan seperti kakitangan kerajaan yang tidak terialu memikirkan mengenai hal keuntungan. Namun sekarang, semua sudah bergerak ke hadapan dan apa sahaja pelaburan dan keputusan yang dibuat perlu disepakati sama ada ia akan memberi pulangan berbaloi atau sebaliknya dengan usaha yang kita laksanakan. Bagaimanapun dalam kita mengejar pencapaian yang baik kita tidak pernah lupa hasrat utama penubuhan PKPS iaitu untuk membangunkan Selangor dan rakyatnya kerana apa sahaja keuntungan kita akan pulangkan semula kepada kerajaan negeri Selangor."

- **Pengurus Besar Sektor Perniagaan Dan Pemasaran PKPS, Rosnani Abdul Malek**



"PKPS telah melalui keadaan suka dan duka namun semuanya ditempuhi dengan tabah sepanjang 50 tahun penubuhannya. Kita akan terus bergerak untuk kemajuan rakyat Selangor dengan mendepani era baharu yang lebih kepada pendigitalan untuk mencapai sasaran lebih tinggi walaupun dengan aset yang terhad."

- **Pengurus Besar Sektor Khidmat Pengurusan dan Sekretariat, Noralni Mohamad Ramlan**



"Sebagai sebuah agensi kerajaan memang kita amat memerlukan pengeluaran yang maksimum bagi memastikan bekalan makanan terutama untuk negeri Selangor dan rakyat Selangor mencukupi terutama di unit kami. Sektor kami di Bahagian Komoditi dan Pengeluaran Makanan walaupun sebelum ini lebih menumpukan kepada pembangunan kelapa sawit, tetapi sejak kebelakangan ini kita terus membuka jalan untuk melebarkan sayap di bahagian pengeluaran makanan terutama untuk produk-produk hiliran. Kami berbangga dengan perkembangan yang telah ditunjukkan oleh semua warga kerja PKPS."

- **Pengurus Besar Sektor Pengeluaran Komoditi dan Makanan, Pongot Sajib**



Amirudin menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada kakitangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).

#### MENGENAI PKPS

- Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor atau dikenali sebagai PKPS adalah anak syarikat kerajaan negeri (GLC) Selangor ditubuhkan pada tahun 1972 di bawah Enakmen No. 12 1972 (pindaan 1976, 1982 dan 2005).
- PKPS bertanggungjawab memacu sektor pertanian dan agro-makanan negeri sejajar dengan perkembangan sosio ekonomi rakyat Selangor melalui pelbagai projek komersial dan tanggungjawab sosial dan korporat (CSR) yang berimpak tinggi.

#### SEJARAH PKPS

- Lembaga Pinjaman Padi Negeri Selangor (LPPNS) telah ditubuhkan pada tahun 1966 dan berperanan untuk menebus tanah sawah, memberi pinjaman kepada petani untuk membeli tanah sawah dan memberi pinjaman bagi pembelian jentera untuk kegunaan di sawah.
- LPPNS telah dibubar dan digantikan dengan penubuhan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor (PKPS).
- PKPS ditubuhkan pada 2 Januari 1972 di bawah Enakmen No. 12 1972 (pindaan 1976, 1982 dan 2005) dan bermula beroperasi pada 1 Mac 1973.
- PKPS bertanggungjawab untuk memajukan industri perladangan dan asas tani bagi meningkatkan pembangunan sosio ekonomi negeri Selangor di samping menjalankan projek-projek komersial untuk faedah rakyat.
- PKPS dalam tempoh 2010 hingga kini ke arah mengembangkan aktiviti komersial dengan memperluaskan kawasan penanaman kelapa sawit, getah dan pengeluaran buah-buahan tempatan.
- Projek ternakan ayam berteknologi tinggi, projek ternakan tenusu lembu dan projek ternakan ikan air tawar adalah sebagai sumbangan kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negeri Selangor selari dengan penggunaan teknologi digital dan media sosial.

#### VISI

- Menjadi organisasi korporat yang kukuh dalam melestakan sustainable pemodenan pertanian negeri Selangor.

#### MISI

- Melaksanakan projek-projek pertanian komersial ke arah pemodenan pertanian.
- Mengamalkan tadbir urus korporat yang berintegriti.
- Membentuk modal insan yang komited.
- Menyokong program tanggungjawab sosial korporat negeri Selangor.
- Melaksanakan projek hiliran produk pertanian yang bermutu tinggi.



Amirudin bersemuka melihat Produk Ehsan Selangor hasil pertanian.

ekonomi negeri.

"Saya ucap tahniah kepada PKPS bagi 50 tahun yang lepas. InsyaAllah kita akan bergerak 50 akan datang dan semoga PKPS kekal komited untuk terus berbakti pada rakyat," tambahnya. Sementara itu, Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan

Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Ir Izzam Hashim berkata, kerajaan negeri meletakkan harapan tinggi kepada PKPS untuk meherajul sektor pertanian dan industri agro-makanan di negeri.

"Kita telah menyusun semula PKPS dan membuat perubahan yang sesuai bagi memikul tugas ini," katanya.



# REDTone tawar teknologi tani pintar

**KOSMO:** Boleh certakan tentang operasi perniagaan REDtone?

**BIK SOON:** Sebagai sebuah syarikat telekomunikasi, kami memiliki tiga perniagaan teras. Pertama adalah menyediakan perkhidmatan dan penyelesaian telekomunikasi kepada perniagaan. Melalui ini, kami memberikan servis sambungan internet, telefon serta menguruskan rangkaian dan sekuriti.

Kedua ialah pengurusan perkhidmatan rangkaian telekomunikasi (MTNS) untuk syarikat telekomunikasi yang melibatkan kerja-kerja kejuruteraan serta pemasangan infrastruktur.

Ketiga ialah perkhidmatan digital Industri (IDS), yang mana kami menyediakan penyelesaian untuk pertanian pintar, bilik pameran realiti maya (VR) bagi sektor hartanah dan runcit, serta tele-radiologi.

**Bagaimana 5G boleh meningkatkan kemampuan penawaran syarikat?**

5G memiliki sifat seperti kelajuan sambungan lebih tinggi, lebih berdaya harap, retensi (penahanan, tersekat) yang rendah serta kemampuan untuk menyambungkan banyak peralatan, mesin, sensor dan peranti.

Ini penting untuk perkhidmatan seperti tele-radiologi untuk menghantar fail dan gambar perubatan melalui sambungan internet. Rangkaian perlu memiliki daya harap pada tahap tertinggi, supaya tiada data yang rosak atau imej terjejas sewaktu penghantaran.

Selain itu, 5G juga boleh memberi impak lebih besar untuk pertanian pintar lebih maju seperti pada tahap tiga dan empat, yang mana lebih banyak data perlu



## SEMBANG KORPORAT

**RANGKAIAN 5G** sering disebut-sebut sebagai teknologi terbaharu yang bakal mentransformasikan cara masyarakat berkomunikasi dan berhubung melalui sambungan internet berkelajuan tinggi serta lebih berdaya harap.

Meskipun mula ditawarkan kepada umum sejak hujung tahun lalu, penerimaan teknologi ini dalam kalangan pengguna biasa dilihat masih perlahan dan tidak begitu meluas.

Bagi Ketua Pegawai

Eksklusif Kumpulan REDtone Digital Berhad (REDtone), Lau Bik Soon, selagi tidak ada aplikasi 'killer' buat pengguna untuk memanfaatkan kemampuan 5G, mereka mungkin tidak mempunyai alasan mencukupi untuk melanggan kemudahan tersebut.

Dalam sesi temu bual bersama wartawan Kosmo, IKHWAN

**IDERIS** di ibu pejabatnya di Puchong baru-baru ini, Bik Soon telah berkongsi pelbagai fakta menarik tentang manfaat 5G ke atas pembangunan sektor pertanian, pembuatan malah akan diperluaskan kepada sektor pembuatan dan pendidikan.

Jelasnya, teknologi pertanian pintar telah berjaya meningkatkan populasi syarikat dengan menyediakan penyelesaian pintar kepada lebih 20 kawasan di seluruh negara serta di Indonesia.

dikutip dan dianalisis sebelum proses selanjutnya dilakukan secara automasi.

Bagi penyelesaian seperti bilik pameran VR pula, rangkaian 5G yang lebih pantas dan stabil pula semestinya akan memberi pengalaman penggunaan yang jauh lebih baik.

**Sektor pertanian kurang dikaitkan dengan penggunaan teknologi. Bagaimana sambutan pelanggan terhadap tawaran penyelesaian yang disediakan syarikat?**

Sambutan yang diterima amat menggalakkan, banyak perusahaan, terutamanya yang terlibat dalam projek tanaman bernilai tinggi seperti durian, rock melon, cili dan sayuran berdaun sedang melihat untuk



**BIK SOON** mahu memperluaskan lagi penyelesaian teknologi pintar untuk manfaat sektor pembuatan dan pendidikan pada masa depan.

mengguna pakai teknologi pertanian pintar.

Buat masa ini, kami telah memasang penyelesaian pertanian pintar kepada lebih 20 kawasan di seluruh negara, selain di Indonesia.

Kami melihat ini adalah antara industri yang berpotensi dan sedang pesat berkembang.

**Bagaimana pula dengan kelemahan 5G dan apa faktor yang menghalang penggunaan teknologi ini secara lebih meluas oleh pengguna biasa?**

Secara umumnya, kemampuan liputan 5G buat masa ini adalah lebih kecil berbanding 4G. Sebagai contoh, sekiranya satu infrastruktur 4G mampu mencapai liputan sehingga radius dua kilometer, tahap liputan untuk 5G pada kawasan sama mungkin hanya mencapai radius satu kilometer. Keperluan pemasangan lebih banyak infrastruktur semestinya membawa kepada peningkatan kos.

Pada masa sama, pengguna biasa juga memerlukan alasan untuk melanggan. 5G sudah tentu akan memberikan pengalaman internet lebih baik, namun 4G masih mampu menyokong hampir keseluruhan keperluan internet pengguna biasa.

Sekiranya tidak muncul satu aplikasi atau kemudahan yang benar-benar memanfaatkan kemampuan 5G, mungkin pengguna tidak memiliki alasan yang cukup baik untuk membayar lebih untuk 5G. Pada pandangan saya, buat masa ini kumpulan yang memerlukan 5G mungkin hanyalah mereka yang banyak bermain permainan video online.

**Apa perancangan pertumbuhan kumpulan pada masa depan?**

Kami berhasrat untuk memperkenalkan penyelesaian pintar untuk sektor pembuatan, selain penyelesaian VR untuk sektor pendidikan dan latihan.

Ketika perniagaan IDS hanya menyumbang sekitar 10 peratus kepada pendapatan kumpulan buat masa ini, kami menyasarkanumbangannya akan meningkat kepada 25 peratus dalam tempoh tiga tahun, disokong perkembangan pesat teknologi dan keperluan pendigitalan oleh perusahaan.

Ini tidak bermakna kami akan mengabaikan dua lagi perniagaan teras REDtone iaitu perkhidmatan telekomunikasi dan MTNS, cuma perkembangan IDS dijangka lebih pesat untuk tempoh dua hingga tiga tahun ini.



**KAWASAN** pertanian yang menggunakan teknologi pintar yang dibangunkan oleh RedTone berjaya meningkatkan hasil berkualiti kepada petani.